

DEXCHLORAMINE SYRUP

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Dexchloramine
2. Bagaimana Dexchloramine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexchloramine
4. Cara menggunakan Dexchloramine
5. Semasa menggunakan Dexchloramine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Dexchloramine

Dexchloramine digunakan untuk mencegah dan merawat alahan termasuk :

- *Perennial* (berlaku sepanjang tahun) dan rinitis alergi bermusim (keradangan alahan saluran pernafasan hidung)
- Rinitis vasomotor (hidung berair yang bukan disebabkan oleh alahan)
- Konjunktivitis alahan (radang membran yang meliputi mata)
- Pruritus (gatal-gatal) disebabkan oleh reaksi alahan
- Urtikaria (ruam gatal yang timbul pada kulit)

Hubungi doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Doktor anda mungkin telah mempreskripsi ubat ini atas sebab-sebab lain.

Bagaimana Dexchloramine berfungsi

Nama ubat ini ialah Dexchloramine. Ia mengandungi bahan aktif *dexchlorpheniramine maleate* yang tergolong di dalam kumpulan ubat jenis antihistamina. Histamina adalah sejenis bahan kimia yang dihasilkan oleh badan semasa tindak balas alahan. Ia menyebabkan gatal-gatal dan keradangan.

Dexchloramine berfungsi dengan menyekat kesan histamina ini, mengurangkan tindak balas alahan dan seterusnya meredakan gejala alahan tersebut.

Sebelum mengambil Dexchloramine

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil ubat ini jika:

- Anda alah atau pernah mengalami tindak balas alahan terhadap ubat *dexchlorpheniramine maleate* atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- Anda mengambil ubat yang dikenali sebagai 'perencat *monoamine oxidase (MAOIs)* (diambil untuk merawat kemurungan), atau anda telah mengambil ubat tersebut dalam masa 14 hari sebelumnya.
- Tarikh luput (EXP) dicetak pada pek telah tamat.
- Terdapat tanda-tanda pek pembungkusannya telah dibuka atau ada yang tidak kena mengenainya.

- *Sebelum mula mengambil*

Maklumkan kepada doktor jika:

- anda hamil atau merancang untuk hamil.
- anda sedang atau merancang untuk menyusukan bayi
- anda mempunyai penyakit epilepsi (sawan), glaukoma (tekanan meningkat dalam bebola mata), menyebabkan penglihatan bertambah teruk secara beransur-ansur), kelenjar prostat membesar and penyakit jantung.
- anda sedang mengambil ubat untuk merawat penyakit keresahan atau ubat yang membantu anda untuk tidur
- anda mengambil sebarang ubat untuk penyakit epilepsi
- anda minum alkohol setiap hari.
- anda mempunyai penahanan kencing
- anda mempunyai halangan pyloroduodenal
- Dexchloramine perlu dihentikan sekurang-kurangnya 72 jam sebelum ujian alergi kulit

Jika anda belum memaklumkan doktor anda mengenai perkara tersebut, maklukkannya dengan segera sebelum anda mula mengambil Dexchloramine.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat

boleh mengganggu keberkesanan Dexchloramine.

Ini termasuklah:

- perencat *monoamine oxidase (MAOIs)*
- Barbiturat
- Ubat tidur
- Analgesik opioid
- antibiotik aminoglikosida

Tindak balas lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin boleh berlaku.

Doktor anda atau ahli farmasi mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil Dexchloramine.

Cara menggunakan Dexchloramine

- *Berapa banyak harus digunakan*

Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda. Ini bergantung kepada keadaan penyakit anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

Dewasa

2 mg setiap 4-6 jam sekali .

Dos dewasa terhad : Sehingga 12 mg setiap hari.

Pediatrik

Kanak-kanak 5-12 tahun : Satu mg setiap 4-6 jam sekali .

Kanak-kanak 2-5 tahun : 500 mcg setiap 4-6 jam sekali .

Penggunaan tidak digalakkan dalam bayi yang dilahirkan pramatang atau belum cukup bulan .

Orang tua

Dos dewasa biasa .

Pesakit geriatrik mungkin lebih sensitif kepada kesan dos orang dewasa.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil Dexchloramine seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Ia boleh diambil bersama makanan, air atau susu.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Doktor anda mungkin mengarahkan anda untuk mengambil dalam satu jangkamasa yang ditetapkan mengikut keadaan gejala anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Dos seterusnya perlu diambil selepas empat atau enam jam, atau sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jangan gandakan dos anda sekiranya anda terlupa mengambil dos yang sebelumnya.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Dexchloramine, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Sesetengah simptom terlebih dos termasuklah:

- kegoyangan, mengantuk, kekeringan mulut , hidung atau tekak ,kemerahan muka dan sesak nafas .
- denyutan jantung laju atau tidak teratur
- tekanan darah rendah

Semasa menggunakan Dexchloramine

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Maklumkan kepada doktor, jika anda telah hamil ketika mengambil Dexchloramine.

Sebelum mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Dexchloramine.

Maklumkan doktor anda jika gejala menjadi bertambah buruk. Jangan ambil dos tambahan tanpa kebenaran doktor anda.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan beri Dexchloramine pada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna Dexchloramine untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan minum alkohol semasa mengambil ubat ini.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jangan memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Dexchloramine terhadap anda.

Dexchloramine mungkin menyebabkan rasa mengantuk, pening dan penglihatan kabur di kalangan sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap Dexchloramine sebelum anda memandu kereta atau melakukan apa-apa yang boleh membahayakan jika anda terjejas.

Elakkan pengambilan alkohol. Dexchloramine akan meningkatkan kesan alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Kesan sampingan yang paling lazim terjadi adalah rasa mengantuk. Ia boleh membantu jika anda mengalami gejala lain yang mengganggu terutamanya pada waktu malam.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda.

- Rasa mengantuk
- Rasa pening
- Kekeringan pada mulut, tekak dan hidung
- Lendir tebal di dalam hidung atau tekak
- Penglihatan kabur
- Kekeliruan
- Sukar atau sakit semasa buang air kencing
- Denyutan jantung laju

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman

web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di dalam botol atau pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek asalnya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan menyimpan Dexchloramine di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dexchloramine, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
• Sirap berwarna oren dan berperisa oren.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Setiap 5ml mengandungi *Dexchlorpheniramine Maleate* 2mg

Bahan tidak aktif:

- Perisa raspberi
- Esen oren manis
- Gula
- Pewarna, Ponceau 4R
- Perisa jingga
- Pewarna kuning
- Mentol
- Kloroform
- *methyl paraben*
- *propyl paraben*
- *propylene glycol*

- Nombor MAL

MAL19860104A

Pengilang

UPHA PHARMACEUTICAL MFG (M) SDN BHD (53667-M)

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

UPHA PHARMACEUTICAL MFG (M) SDN BHD (53667-M)

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP

5/12/2014

Serial number

BPFK(R4/1)281114/00063